



# **UNDANG UNDANG NEGERI PERLIS**

## **ENAKMEN 4 TAHUN 1993**

### **ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK 1991**

Tarikh Persetujuan DiRaja :

29 Disember 1992

Tarikh disiarkan dalam *Warta* :

18 Februari 1993

Tarikh mula berkuatkuasa :

8 November 2006 [Ps. P.U. 4/07]

---

**Ps. P.U. 3.****ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH 1991****PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 1 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 [*Enakmen 5/1992*], Raja Pemerintah menetapkan 8 November 2006 sebagai tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen.

Bertarikh 27 Disember 2006  
[SUK.(Ps.) 05/069]

ZURAINI BINTI MOHD YUSOF  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perlis*

**ADMINISTRATION OF THE SYARIAH COURT ENACTMENT 1991****APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION**

In exercise of the powers conferred by section 1 of the Administration of the Syariah Court Enactment 1991 [*Enactment 5/1992*], the Ruler appoints 8 November 2006 as the date on which the Enactment comes into operation.

Dated 27 December 2006  
[SUK.(Ps.) 05/069]

ZURAINI BINTI MOHD YUSOF  
*Clerk State Executive Council  
Perlis*

**Ps. P.U. 4.****ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK 1991****PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 1 Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 [*Enakmen 4/1993*], Raja Pemerintah menetapkan 8 November 2006 sebagai tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen.

Bertarikh 27 Disember 2006  
[SUK.(Ps.) 05/069]

ZURAINI BINTI MOHD YUSOF  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perlis*



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**

## **Enakmen 11**

**ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK  
(PENGESAHAN) 2007**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... .. 19 Disember 2007

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... .. 14 Februari 2008

**UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS****Enakmen 11****ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK  
(PENGESEHAN) 2007**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN  
JAMALULLAIL  
*Raja Perlis*

9 Zulhijah 1428  
19 Disember 2007

Suatu Enakmen untuk mengesahkan perbuatan atau benda yang telah dilakukan oleh mana-mana orang atau badan menurut atau di bawah Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991.

[ ]

**MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pengesahan) 2007.

**Pengesahan**

2. Segala perbuatan atau benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Kadi, Mahkamah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Pendaftar Sekolah-Sekolah

Agama dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 [*En. 4/1993*] semasa tempoh dari 18 Februari 1993 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 5 April 2007.  
[SUK(Ps.) 05/312]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis*

PERLIS  
ENAKMEN Bil. 4 TAHUN 1993

BETA SETUJU,

SYED PUTRA JAMALULLAIL,  
*Raja Perlis*

(MOHOR KERAJAAN)

*5 Rejab 1413.*

*29 Disember 1992.*

Situ Enakmen bagi menyatukan Undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan Jenayah dalam Syarak berkaitan dengan Undang-undang Keluarga dan perkara-perkara yang berhubung dengannya.

[ ]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan ~~Enakmen~~ Jenayah Dalam Syarak 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Raja Pemerintah melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk  
ringkas  
dan mula  
berkuat-  
kuasa.

Dengan syarat bahawa Raja Pemerintah boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan melalui pemberitahuan dalam *Warta* bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan

atau bahagian-bahagian yang berlainan dalam Enakmen ini.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang berlainan:

“jenayah” ertinya jenayah dalam Syarak;

“Kadi” mempunyai erti yang sama yang diberi kepadanya di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991;

“Kerajaan” mempunyai erti yang sama diberi kepadanya dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1963;

“liwat” ertinya perhubungan jenis di antara lelaki dengan lelaki atau di antara lelaki dengan perempuan melalui dubur;

“Mahkamah” mempunyai erti yang sama yang diberi kepadanya di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang ditubuhkan menurut seksyen 4 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1963;

“muqaddimah zina” ertinya perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan di antara lelaki dan perempuan yang mendorong kepada perzinaan;

“munsyikari” ertinya seorang yang menjalankan pekerjaan sebagai orang tengah di antara seseorang perempuan dengan seorang lelaki bagi tujuan-tujuan yang menyalahi Hukum Syarak;

“musahaqah” ertinya perhubungan jenis di antara perempuan dengan perempuan;

“Negeri” ertinya Negeri Perlis;

“Pegawai Masjid” mempunyai erti yang sama yang diberi kepadanya dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam

1963;

“perempuan bersuami” ertinya seseorang perempuan yang telah bernikah dan ia masih di dalam nikahnya lagi;

“persetubuhan syubhah” ertinya persetubuhan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan dengan anggapan bahawa mereka adalah suami isteri yang sah tetapi ternyata kemudiannya bahawa mereka bukan suami isteri yang sah mengikut Hukum Syarak;

“Pendaftar Sekolah-sekolah Agama” ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3 Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1990;

“sumbang” ertinya perbuatan atau siri perbuatan yang dianggap bertentangan dengan Hukum Syarak di antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang ditegah berkahwin;

“takfir” ertinya mengkafirkan orang Islam;

(2) Semua perkataan, perbahasa, takrifan dan rangkaian kata yang digunakan di dalam Enakmen ini tetapi tidak ditakrifkan dengan tertentu di dalamnya maka hendaklah disifatkan mempunyai erti yang diberi padanya dalam Akta Tafsiran 1967. Akta 388.

(3) Jika timbul sebarang persoalan atau pertikaian dalam mentafsir sesuatu perkataan, perbahasa atau rangkaian kata mengenai Hukum Syarak maka adalah dalam bidang kuasa Mahkamah yang membicarakannya itu untuk memberi takrifan kepada perkataan, perbahasa atau rangkaian kata sedemikian itu.

(4) Kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalam Enakmen ini tidak sahaja termasuk tindakan-tindakan yang dilakukan tetapi juga ketinggalan yang menyalahi undang-undang.

3. Melainkan diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, Enakmen ini hendaklah dipakai bagi semua orang yang beragama Islam; yang akil baligh dan berada di dalam Negeri Perlis. Pemaknaan.

4. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh melemahkan atau menyentuh hak-hak prerogatif dan kuasa-kuasa Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam Negeri ini, sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan Pengecualian prerogatif.

dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis dan Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN II  
KESALAHAN-KESALAHAN

Perbuatan  
tidak sopan.

5. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja melakukan perbuatan atau berkelakuan tidak sopan mengikut pandangan Syarak di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang lelaki Islam yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang perempuan sama ada beragama Islam atau tidak selain daripada isterinya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang perempuan Islam yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang lelaki sama ada beragama Islam atau tidak selain daripada suaminya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Perkataan  
tidak sopan.

6. Mana-mana orang yang dengan sengaja mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan Hukum Syarak yang mungkin boleh memecahkan keamanan di mana-mana tempat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pondan.

7. (1) Mana-mana orang lelaki yang berlagak seperti perempuan (tasyabbuh) di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang perempuan yang berlagak seperti lelaki (tasyabbuh) di mana-mana tempat awam adalah ber-

salah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

8. Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau mana-mana lelaki beristeri supaya bercerai atau mengingkar kewajipan dan tanggungjawab di antara satu dengan yang lain adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menghasut perempuan bersuami atau lelaki beristeri supaya bercerai atau mengingkar kewajipan dan tanggungjawab.

9. (1) Mana-mana orang lelaki yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan atau berkurung atau bersembunyi bersunyi-sunyian dan berdekatan yang mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat di mana-mana tempat dengan seorang perempuan yang bukan mahramnya sama ada beragama Islam atau tidak selain daripada isterinya adalah bersalah atas kesalahan khalwat dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Khalwat.

(2) Mana-mana orang perempuan Islam yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan atau berkurung atau bersembunyi bersunyi-sunyian dan berdekatan yang mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat di mana-mana tempat dengan seorang lelaki yang bukan mahramnya sama ada beragama Islam atau tidak selain daripada suaminya adalah bersalah atas kesalahan khalwat dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang lelaki Islam yang didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang perempuan sama ada beragama Islam atau tidak yang bukan isterinya atau bukan mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah

bilik pada mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang boleh mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang perempuan Islam yang didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang lelaki sama ada beragama Islam atau tidak yang bukan suaminya atau bukan mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik pada mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang boleh mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana perempuan yang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini dimasukkan ke suatu rumah kebajikan selama suatu tempoh tiga tahun.

Berkelakuan  
sumbang. 10. Mana-mana orang yang berkelakuan sumbang adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah mestilah memerintahkan supaya mereka tidak tinggal bersama-sama.

Muqaddimah  
zina. 11. Mana-mana orang yang melakukan perbuatan muqaddimah zina adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Bersubahat  
melakukan  
kesalahan  
muqaddimah  
zina. 12. Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan muqaddimah zina adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Liwat. 13. Mana-mana orang yang dengan sengaja melakukan perbuatan liwat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh,

apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

14. Mana-mana orang perempuan yang dengan sengaja melakukan musahaqah dengan perempuan yang lain adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Musahaqah.

15. (1) Mana-mana orang perempuan yang didapati hamil atau melahirkan anak di luar nikah tidak termasuk persetubuhan syubhah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Hamil luar nikah.

(1) Mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang penuh sifat kurang daripada enam bulan hijrah selepas dia berkahwin tidak termasuk persetubuhan syubhah boleh disifatkan sebagai melahirkan anak di luar nikah.

(3) Beban membuktikan bahawa seorang perempuan itu telah disetubuhi dengan cara syubhah atau sebagainya atau berkahwin atau anak itu dilahirkan dalam jangka masa yang boleh diterima mengikut Hukum Syarak adalah terletak di atas perempuan itu.

(4) Seksyen 112 Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai bagi maksud seksyen ini.

16. (1) Mana-mana orang yang melarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang lain meninggalkan rumahtangga yang ditentukan oleh suaminya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah mestilah memerintahkan supaya isteri itu kembali kepada suaminya. Melarikan isteri orang dan menghalang suami isteri duduk bersama.

(2) Mana-mana orang yang menghalang pasangan suami isteri daripada duduk bersama sebagai suami isteri yang sah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah mestilah memerintahkan pasangan suami isteri itu kembali duduk bersama sebagai suami isteri yang sah semula.

Melacur  
isteri atau  
anak

17. (1) Mana-mana suami yang melacurkan isterinya atau membiarkan isterinya melacurkan dirinya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana ibu bapa atau penjaga yang melacurkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya atau membenarkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya itu melacur adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Melacurkan  
diri.

18. Mana-mana orang perempuan yang melacurkan dirinya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Melarikan  
perempuan.

19. Mana-mana orang yang melarikan atau mempengaruhi memujuk seseorang perempuan supaya lari daripada jagaan ibu-bapanya atau penjaganya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menjual  
atau  
memberi  
anak.

20. (1) Mana-mana ibubapa atau penjaga yang didapati menjual, memberi atau menyerahkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya kepada seseorang yang bukan beragama Islam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak

melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Penjualan, pemberian atau penyerahan yang sedemikian itu adalah tidak sah dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya anak itu diserahkan kepada jagaan mana-mana orang yang layak atau rumah kebajikan.

21. Mana-mana orang yang didapati menjadi munsyikari adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Menjadi munsyikari.

22. Mana-mana orang yang menganjur, memujuk atau menggalakkan mana-mana orang melakukan apa-apa pekerjaan maksiat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Galakan maksiat.

23. (1) Mana-mana orang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada bertutur atau tulisan, atau melalui isyarat, atau melalui gambaran yang boleh dilihat atau melalui apa-apa perbuatan, kegiatan, atau kelakuan, atau dengan mengelola, menggalak atau memperaturkan apa-apa kegiatan atau selainnya dengan apa jua cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti Agama Islam, atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang yang menganuti Agama Islam: Takfir.

- (i) adalah orang kafir, atau
- (ii) telah berhenti menganuti Agama Islam atau
- (iii) tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima, sebagai menganuti Agama Islam, atau
- (iv) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti, atau tergolong dalam Agama Islam,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya;

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak boleh dipakai bagi:

- (a) apa-apa perkara yang dilakukan oleh mana-mana pihak berkuasa Agama yang ditubuhkan, dibentuk atau dilantik oleh atau di bawah mana-mana Undang-undang bertulis dan yang diberikan oleh Undang-undang bertulis dengan kuasa memberi atau mengeluarkan apa-apa fatwa atau keputusan atau apa-apa perkara mengenai Agama Islam;
- (b) apa-apa perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang menurut atau mengikut apa-apa fatwa atau keputusan yang diberi atau dikeluarkan oleh pihak berkuasa Agama itu, sama ada fatwa atau keputusan itu adalah secara bertulis atau pun tidak, atau jika secara bertulis, sama ada ianya disiarkan dalam *Warta* atau pun tidak.

(2) Mana-mana orang yang mentafsir secara menyeleweng mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Minuman  
yang me-  
mabukkan.

24. (1) Mana-mana orang yang minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau sebat tidak melebihi enam sebatan atau mana-mana dua daripadanya.

(2) Mana-mana orang yang membuat, menjual, meng-hadiah, mempamerkan untuk jualan, menyimpan, membawa atau membeli apa-apa arak atau minuman yang memabukkan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Memakan  
dan menjual  
dalam bulan  
Ramadan.

25. (1) Mana-mana orang yang pada siang hari di dalam bulan Ramadan menjual sebarang makanan, minuman atau tembakau kepada mana-mana orang yang beragama Islam untuk dimakan atau dihisap dengan serta-merta; atau

(2) Mana-mana orang yang akil baligh menurut Agama Islam pada siang hari di dalam bulan Ramadan memakan sebarang makanan, minuman atau menghisap tembakau adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

26. Jika mana-mana orang gaji kepada seseorang telah menjual apa-apa benda berlawanan dengan seksyen 24 atau 25, maka majikannya itu hendaklah dianggap telah bersubahat melakukan kesalahan itu dan telah menyebabkan kesalahan itu berlaku oleh kerana persubahatan itu melainkan dia membuktikan bahawa yang telah dilakukan oleh orang gaji itu bukan dengan kebenarannya, pengetahuannya, atau keizinan-nya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu.

Anggapan.

27. (1) Tiap-tiap mukallaf yang tidak menunaikan solat Jumaat tiga kali berturut-turut di masjid atau di tempat lain di mana solat Jumaat boleh diadakan dengan tiada keuzuran syarie, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tidak menunaikan solat Jumaat.

(2) Keuzuran syarie terdapat bagi seseorang jika—

- (a) kehadirannya itu tergendala oleh sebab hujan lebat; atau
- (b) dia uzur atau tidak bermastautin di mukim masjid di mana dia berada pada masa itu; atau
- (c) terdapat keadaan-keadaan lain yang dibenarkan oleh Hukum Syarak.

28. Barang siapa mengingkari atau tidak menghiraukan titah perintah Raja Pemerintah berkenaan dengan memulakan puasa Ramadan, Hari Raya Fitrah atau Hari Raya Haji adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi seribu ringgit atau

Mengingkari titah perintah Raja Pemerintah.

penjara selama tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pungutan  
derma tidak  
mengikut  
Undang-  
undang.

29. Sesiapa yang memungut atau mengambil bahagian dalam sebarang pungutan wang atau derma bagi kegunaan khairat untuk mengembangkan Agama Islam atau faedah orang-orang Islam mengikut hukum Syarak dengan tidak menurut mana-mana syarat di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1963 adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan segala wang yang dipungut hendaklah dirampas oleh Mahkamah dan hendaklah menjadi hasil Baitulmal.

Tidak  
menyerahkan  
wang  
atau  
harta  
yang  
dipungut.

30. (1) Barang siapa yang diamanahkan bagi memungut, menyimpan, menjaga, mengelola atau menyampaikan wang atau harta Baitulmal, wakaf, zakat, fitrah, derma daripada orang ramai atau lain-lain perkara yang ada hubungannya dengan Agama Islam, telah tidak menyerahkan wang atau harta itu kepada orang yang berhak kepadanya atau telah tidak menjelaskannya kepada orang yang ditentukan atau telah tidak mengemukakan kira-kira wang itu kepada Yang Dipertua adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan Mahkamah boleh membuat perintah supaya dibayar atau diserahkan terus wang atau harta itu kepada orang yang berhak menerimanya atau supaya dipulangkan wang atau harta itu kepada sesiapa yang diarah oleh Mahkamah.

(2) Sesebuah Mahkamah yang membicarakan kesalahan di bawah sub-seksyen (1) boleh memerintahkan supaya habuan atau wang itu atau mana-mana bahagian daripadanya dibayar kepada mana-mana orang yang berhak di atasnya.

(3) Dakwaan di bawah fasal ini tidak boleh dibawa selepas lapan belas bulan daripada tarikh berlakunya kesalahan itu.

Tidak menja-  
lankan kewa-  
jipan mengi-  
kut Undang-  
undang.

31. Barang siapa yang ditugaskan di bawah Undang-undang ini dengan kewajipan berkaitan dengan sebarang daftar, penyata, daftar nilaian, sijil atau sebarang surat keterangan yang lain tidak menjalankan kewajipan itu atau menjalankannya dengan cara yang tidak mengikut Undang-undang atau tidak betul adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

32. (1) Sesiapa yang mendirikan, menghadiah atau menggunakan mana-mana bangunan sebagai sebuah Masjid berlawanan dengan syarat-syarat seksyen 75 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1963 adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Mendirikan Masjid berlawanan dengan UPAI(Ps.) 1963 (Sek. 75).

(2) Mahkamah boleh, tertakluk kepada apa-apa hak mana-mana pihak ketiga, memerintah orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah sub-seksyen (1) supaya merobohkan Masjid atau bangunan itu.

33. (1) Kecuali kepada keluarga rumahnya sahaja dan di tempat kediamannya sendiri, tiada seseorang boleh mengajar, menghurai, menerangkan atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh diertikan sebagai mengajar, menghurai atau menerangkan, sesuatu perkara yang berkaitan dengan Agama Islam, tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

Mengajar Agama tanpa kebenaran.

(2) Sesiapa yang melanggar sub-seksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman tidak melebihi seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

34. (1) Barang siapa mengajar atau menghuraikan kepada sesiapa, atau mengedar di mana-mana tempat, suatu ajaran, atau menjalankan sesuatu istiadat atau perbuatan, yang bertentangan dengan Hukum Syarak yang diamalkan di Negeri Perlis adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Mengajar, menjalankan sesuatu istiadat yang bertentangan dengan Hukum syarak.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya apa-apa suratan atau rakaman suara atau mana-mana rakaman lain yang mengandungi ajaran yang menjadi perkara kesalahan di bawah sub-seksyen (1), dimusnahkan atau dilupuskan dengan cara lain yang Mahkamah fikirkan patut.

35. Barang siapa sama ada dengan cara lisan atau tulisan, membuat dan mengeluarkan atau difahamkan membuat dan mengeluarkan apa-apa fatwa yang rasmi mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan,

Fatwa rasmi yang berkaitan dengan hukum syarak.

dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Dengan syarat seksyen ini tidak boleh dipakai bagi Majlis atau orang-orang lain yang menjalankan tugas di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, 1963.

(2) Peruntukan di bawah sub-seksyen (1) tidak boleh dikenakan jika seseorang itu cuma memberi fikirannya di atas mana-mana perkara yang berkaitan dengan hukum syarak atau adat istiadat melayu.

Mencetak  
bahan-bahan  
yang ber-  
lawanan  
dengan  
hukum  
syarak.

36. (1) Barang siapa, tanpa apa-apa sebab yang sah, mence-  
tak, menerbit, mengeluarkan, membahagi, menyiar, mempamer,  
mengedar, menjual, membahagi, mengimpot, mengeksport  
atau ada dalam miliknya, apa-apa buku, rekod atau pita  
rakaman bunyi, suratan, risalah, filem rakaman video atau  
lain-lain bahan yang serupa yang berlawanan dengan Hukum  
Syarak atau adat istiadat melayu atau mana-mana fatwa yang  
dikeluarkan di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama  
Islam, 1963 adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh,  
apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi  
lima ribu ringgit atau penjara selama tidak melebihi tiga tahun  
atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya apa-apa  
buku, rekod atau pita rakaman bunyi, suratan, risalah, filem,  
rakaman video atau lain-lain bahan yang serupa yang menjadi  
perkara kesalahan di bawah sub-seksyen (1) dimusnahkan atau  
dilupuskan dengan cara lain sebagaimana Mahkamah fikirkan  
patut.

Menghina  
ayat-ayat  
yang di pan-  
dang suci  
oleh orang  
Islam.

37. (1) Barang siapa, sama ada secara lisan atau tulisan atau  
dengan cara apa jua pun, membuat hina atau menyebabkan  
supaya dibuat hina, terhadap Quran, mana-mana ayat Quran  
dan hukumnya, Hadis, sebarang perkataan atau ayat-ayat  
yang dipandang suci mengikut Hukum Syarak apa-apa per-  
buatan atau istiadat yang berkaitan dengan agama Islam,  
adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila di-  
sabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu  
ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun

atau kedua-duanya

(2) Bagi maksud-maksud sub-seksyen (1) "membuat hina" termasuklah mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk atau mempersenda.

38. Barang siapa membuat hina terhadap kuasa Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri ini, kuasa Majlis atau Jabatan Hal Ehwal Agama atau mana-mana jawatankuasa atau ahli atau pegawainya atau mana-mana pegawai masjid atau kuasa mana-mana Mahkamah atau pegawai yang mengetuai mahkamah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menghina  
kuasa Raja  
Pemerintah  
dan badan-  
badan  
Agama  
Islam yang  
lain.

39. Barang siapa, sama ada dengan secara lisan atau tulisan atau perbuatan atau dengan cara apa jua pun, membuat hina terhadap agama Islam atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, 1963 adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara, selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menghina  
Agama  
Islam atau  
Fatwa.

40. Mana-mana orang yang menghina mana-mana Undang-undang yang berkuatkuasa di Mahkamah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Menghina  
undang-  
Undang yang  
berkuatkuasa  
di Mahkamah.

41. Mana-mana orang yang mengingkar, melanggar atau membantah mana-mana pegawai majlis atau Pendaftar Sekolah-sekolah Agama, Penyelia Agama atau pegawai masjid sewaktu menjalankan tugasnya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Menging-  
kari mem-  
bantah ter-  
hadap Pe-  
gawai Maj-  
lis.

Menging-  
kuri Perintah  
Mahkamah.

42. Mana-mana orang yang mengingkar, melanggar, membantah, menghina atau enggan mematuhi mana-mana perintah Mahkamah adalah bersalah atas suatu kesalahan apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

43. Bagi maksud-maksud seksyen-seksyen 38, 39 dan 40, "membuat hina" termasuklah mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk atau mempersenda.

Mendedahkan  
perkara-per-  
kara yang  
dibincangkan  
tanpa men-  
dapat kelu-  
lusan.

44. Mana-mana ahli, pekerja atau pegawai majlis yang menyatakan atau mendedahkan mana-mana perkara yang dibincangkan oleh Majlis tanpa mendapat kelulusan secara bertulis dari Yang Dipertua, kecuali kepada Raja Pemerintah atau mana-mana ahli lain adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Mengeluar-  
kan Perintah  
dari semasa  
ke semasa.

45. (1) Raja Pemerintah boleh sebagai Ketua Agama Negeri, mengeluarkan apa-apa perintah, dari semasa ke semasa berkaitan dengan perkara khusus yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak:

Dengan syarat bahawa perintah itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Raja Pemerintah melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah di sub-seksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Bersubahat.

46. Barang siapa cuba melakukan, atau bersubahat pada melakukan, apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seolah-olah ianya melakukan kesalahan yang demikian.

Pembelaan  
pegawai-  
pegawai  
tertentu.

47. Untuk tujuan Enakmen ini dan Enakmen Acara Jenayah Syariah 1988, Ahli-ahli majlis, Jawatankuasa Fatwa, pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja majlis, pegawai-pegawai Mahkamah Kadi dan Jawatankuasa Ulang Bicara, pegawai

masjid, jawatankuasa-jawatankuasa kariah mana-mana masjid, guru agama bertauliah dan penghulu adalah disifatkan sebagai Pegawai Awam mengikut takrif Kanun Kesiksaan.

### BAHAGIAN III PELBAGAI

48. Mana-mana orang yang terikat di sisi Undang-undang oleh suatu sumpah, atau oleh apa-apa peruntukan Undang-undang yang nyata supaya menyatakan hal yang sebenarnya, atau yang terpaksa di sisi Undang-undang supaya membuat suatuakuan atas apa-apa perkara, membuat sesuatu kenyataan palsu, dan yang ia sama ada ketahui atau percaya sebagai palsu, atau yang ia tidak percaya sebagai benar, adalah dikatakan memberi keterangan palsu.

Memberi  
keterangan  
palsu.

Huraian 1 Suatu kenyataan sama ada dibuat dengan mulut atau dengan jalan lain adalah termasuk dalam erti seksyen ini.

Huraian 2 Suatu kenyataan palsu berkenaan dengan kepercayaan orang yang membuat kenyataan itu adalah termasuk dalam erti seksyen ini, dan seseorang boleh jadi melakukan kesalahan memberi keterangan palsu dengan menyatakan bahawa ia percaya sesuatu perkara yang ia tidak percaya atau dengan menyatakan bahawa ia ketahui sesuatu perkara yang ia tidak ketahui.

49. (1) Mana-mana orang dengan sengaja memberi keterangan palsu pada mana-mana peringkat pembicaraan kehakiman, atau dengan sengaja mereka keterangan palsu bagi maksud digunakan pada mana-mana peringkat pembicaraan kehakiman melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Hukuman  
bagi  
keterangan  
palsu.

(2) Mana-mana orang dengan sengaja memberi atau mereka keterangan palsu dalam mana-mana hal lain adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Huraian Suatu pembicaraan di hadapan Mahkamah ialah pembicaraan kehakiman.

- Pemansuhan. 50. Enakmen yang dinyatakan dalam Jadual kepada Enakmen ini adalah dengan ini dimansuhkan setakat mana yang dinyatakan dalam Jadual:

Dengan syarat bahawa segala prosiding yang telah dimulakan di bawah Enakmen yang dengan ini dimansuhkan hendaklah berterusan seolah-olah Enakmen ini belum diluluskan.

Diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri pada 29 Julai 1991.

MD. PUAT BIN ROMLI,  
Setiausaha Dewan Undangan Negeri,  
Negeri Perlis

[SUK (Ps.) 01/413.]



**UNDANG UNDANG  
NEGERI PERLIS**

**A11**

**ENAKMEN JENAYAH DALAM  
SYARAK (PINDAAN) 2007**



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**

## **Enakmen A11**

**ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK  
(PINDAAN) 2007**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... .. 19 Disember 2007

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... .. 14 Februari 2008

Hakcipta Pencetak (ii)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

**UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS****Enakmen A11****ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK  
(PINDAAN) 2007**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN  
JAMALULLAIL  
*Raja Perlis*9 Zulhijah 1428  
19 Disember 2007

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991.

[ ]

**MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan  
Undangan Negeri Perlis seperti berikut:**Tajuk ringkas**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pindaan) 2007.

**Seksyen baru 27A**

2. Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 yang berikut:

Judi. 27A. (1) Mana-mana orang yang berjudi atau didapati berada di tempat perjudian adalah bersalah atas suatu kesalahan dan bolehlah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

"tempat perjudian" ertinya mana-mana premis yang terbuka atau tertutup, dan termasuk bilik, pejabat atau gerai, yang digunakan atau diselenggarakan untuk perjudian, tidak kira sama ada orang awam atau segolongan orang awam mempunyai akses kepadanya atau tidak."

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 5 April 2007.  
[SUK(Ps.) 05/312]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis*



**UNDANG UNDANG  
NEGERI PERLIS**

**A34**

**ENAKMEN JENAYAH DALAM  
SYARAK (PINDAAN) 2012**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 16 Januari 2013

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 14 Februari 2013

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada manu-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau diilakkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

**UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS****Enakmen A34****ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK (PINDAAN) 2012**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN  
JAMALULLAIL  
*Raja Perlis*

4 Rabiulawal 1434  
16 Januari 2013

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991.

[ ]

**MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pindaan) 2012.

**Penggantian seksyen 25**

2. Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dengan menggantikan seksyen 25 yang berikut:

“25. (1) Mana-mana orang—

(a) yang pada siang hari sebelum jam 2.00 petang di dalam bulan Ramadan menjual sebarang makanan, minuman atau tembakau kepada mana-mana orang yang beragama Islam untuk dimakan, diminum atau dihisap; atau

(b) yang akil baligh menurut agama Islam pada siang hari di dalam bulan Ramadan memakan secara terbuka atau di tempat awam sebarang makanan, minuman atau menghisap tembakau,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan berikutnya denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)(a) di atas, mana-mana orang yang melakukan perbuatan-perbuatan tersebut di atas hendaklah dianggap telah menjualnya kepada orang yang beragama Islam untuk dimakan, diminum atau dihisap dengan serta-merta melainkan dibuktikan sebaliknya.”

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 7 Disember 2012.

[SUK.Ps. 05/393]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis*